

Projek MRT tak jejas lalu-lintas

Syarikat diminta pastikan pengurusan trafik lancar di tapak binaan

Oleh Norfatimah Ahmad,
Shaarani Ismail
dan Norakmah Mat Youb
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memastikan pembinaan projek Transit Aliran Massa (MRT) tidak memberi kesulitan teruk kepada keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya di kawasan pembinaannya.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Husin, berkata sejak awal perancangan projek itu, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) diminta memastikan pengurusan trafik berkesan meliputi penilaian kesan trafik di kawasan berkaitan.

“MRT turut merangka pelan pengurusan trafik yang komprehensif

serta mematuhi keperluan pihak berkuasa tempatan supaya proses pembinaannya diselaraskan dengan cekap dan kesulitan yang berpunca daripada pembinaan MRT diminimumkan.

“Kerajaan memberi perhatian



Kerajaan sedia maklum projek MRT adalah pembangunan infrastruktur membabitkan kerja fizikal di kawasan lalu lintas berkepadatan trafik tinggi sekitar Lembah Klang

Awang Adek Husin
Timbalan Menteri Kewangan

dan keutamaan kepada projek MRT bagi laluan Sungai Buloh dan Kajang demi kepentingan dan keselesaan rakyat terutama penduduk kawasan Lembah Klang,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Ismail Kasim (BN-Arau) di Dewan Rakyat, semalam.

Ismail mahu penjelasan berhubung tahap pelaksanaan projek MRT setakat ini dan bagaimana proses pembinaannya diselaraskan untuk tidak meningkatkan kesesakan sedia ada.

Awang Adek berkata, kerajaan sedia maklum projek MRT adalah pembangunan infrastruktur berkepentingan rakyat yang membabitkan kerja fizikal di kawasan lalu lintas berkepadatan trafik yang tinggi di sekitar Lembah Klang.

“MRT Corp perlu memastikan janji kerajaan supaya kerja ini ti-

dak memberi kesulitan kepada penduduk tempatan dan pengguna di kawasan terbabit terjamin,” katanya.

Awang Adek berkata, ada 86 pakej kerja MRT untuk laluan berkenaan sehingga 23 Mac lalu dengan 27 pakej kerja dianugerahkan kepada kontraktor yang layak membabitkan kerja awalan seperti pengalihan utiliti dan penyediaan tanah.

Beliau berkata, sebanyak 12 pakej kerja masih dalam pembidaan dan baki 47 pakej kerja belum dibuka untuk pembidaan.

Katanya, apa yang penting, pelan itu mesti diikuti sebaik mungkin dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan dengan mengambil kira kepentingan awam dan memastikan pelan itu diikuti dengan tepat.